

PAMERAN
BERGERAK
TRAVELLING EXHIBITION

GERAK RUPA

KARYA KOLEKSI
BALAI SENI NEGARA

Galeri Seni Lukis
Negeri Perlis
Mei -
Disember
2023



KEMENTERIAN PELANCONGAN,
SENI DAN BUDAYA



BALAI SENI NEGARA
National Art Gallery



www.artgallery.gov.my

LPSVN Apps

Balai Seni Negara
 nationalartgallerymy
 BalaiSeniNegara
 National Art Gallery Malaysia
www.artgallery.gov.my

nationalartgallerymy
 Balai Seni Negara MY
#balaiseninagara
#nationalartgallery
#NAGMalaysia



Pameran Bergerak Gerak Rupa Koleksi Tetap Balai Seni Negara adalah sebuah pameran bergerak di empat buah negeri iaitu di Johor, Kedah, Perlis dan Melaka dari Mei hingga Disember 2023. Pameran bergerak ini menghimpunkan sekitar 19 rupa, wajah dan bentuk karya pelukis Kedah dan Perlis yang terdapat di dalam koleksi Balai Seni Negara.

Pelukis Kedah dan Perlis di dalam Koleksi Balai Seni Negara dibahagikan kepada tiga kumpulan iaitu Pelukis Generasi Awal, Pelukis Generasi Kedua dan Pelukis Generasi Baru. Pelukis generasi awal atau pelukis pelopor adalah pelukis Kedah yang lahir antara tahun 1920-an hingga 1930-an Ibrahim Hussein (*b.1929–d.2009*), Ismail Zain (*b.1930–d.1990*), Chooi Kwok Keong (*b.1938*), Sharifah Zuriah Aljeffri (*b.1938*), dan Khoo Sui-Hoe (*b.1939*).

Pelukis generasi kedua pula adalah pelukis yang lahir sekitar tahun 1940-an hingga 1960-an seperti Rosli Mat (*b.1960*), Eng Tay (*b.1947*), Sharifah Fatimah Syed Zubir (*b.1948*), Lye Yau Fatt (*b.1950*), Amron Omar (*b.1957*), Anuar Abdul Rashid (*b.1958*), Rafiee Abdul Ghani (*b.1962*), Zulkifli Yusof (*b.1962*), Ahmad Fuad Osman (*b.1969*) dan Zuzila Zain (*b.1969*).

Manakala pelukis generasi baru pula adalah pelukis yang lahir selepas tahun 70-an seperti Sabri Idrus (*b.1971*), Hushinaidi Abdul Hamid (*b.1973*), dan Choy Chun Wei (*b.1973*).

Pameran bergerak inisiatif Balai Seni Negara ini diharapkan dapat berkongsi khazanah negara yang bertujuan merakyatkan karya Koleksi Seni Negara untuk dipamerkan di galeri-galeri seni terpilih di seluruh negara. Kini, Pameran Bergerak Gerak Rupa telah berada di Galeri Seni Lukis Negeri Perlis Simpang Empat dengan menampilkan beberapa karya Koleksi Balai Seni Negara pelukis negeri Perlis seperti Rosli Mat (*b.1960*), Zuzila Zain (*b.1969–d.2015*) dan Hushinaidi Abdul Hamid (*b.1973*).

PELUKIS PERLIS

ROSLI MAT

Rosli Mat merupakan antara pelukis tempatan yang mempunyai kemahiran tinggi mengolah bahasa visual dalam karyanya. Dilahirkan pada tahun 1960 di Kampung Hutan Temin, Mata Ayer, Perlis. Beliau melanjutkan pendidikan secara formal di bidang pengkhususan Seni Halus di Kajian Seni Lukis dan Seni Reka, ITM (UiTM), Shah Alam (1980–1984).

Bentuk karyanya lebih bersifat realisme, sama ada dalam bentuk landskap atau figuratif. Pemahamannya terhadap subjek pilihan amat jelas dalam meneroka keindahan pemandangan semula jadi atau menyelitkan dengan aktiviti harian masyarakat kampung.

Rosli Mat memilih untuk melukis sepenuh masa sebagai sumber pendapatannya. Keyakinan dengan bidang ilmu seni lukis membolehkan beliau memahami bahasa visual dengan jelas sebelum diterjemahkan ke permukaan kanvas. Tekadnya untuk pulang ke kampung dan melihat serta merasai denyut nadi kehidupan masyarakat kampung dalam mencari rezeki, membolehkan beliau memahami dan menterjemahkan maksud dalam karya-karyanya.

HUSHINAIDI ABDUL HAMID

Lahir pada tahun 1973 di Kangar, Hushinaidi menggabungkan semi-realisme dan abstrak di dalam karyanya. Ini kerana faktor kelainan seperti tarikan dan keunikan yang cuba ditonjolkan dalam gaya lukisannya menjadi simbolik kepada pengalaman serta usahanya dalam menyiapkan karya sejak tahun 2001 sehingga kini. Menggunakan daya pemikiran kreatif serta kesabaran dalam menghasilkan karya yang memuaskan, Hushinaidi cuba menggabungkan teknik garisan dan cahaya serta kekuatan ekspresi melalui warna-warna yang kelihatan realisme bagi mewujudkan sentuhan abstrak. "Kita boleh melihat cahaya pada setiap subjek yang saya lukis sama ada gelap ataupun cerah malah setiap karya mempunyai makna yang tersendiri,"

Beliau juga suka menggunakan manusia sebagai objek dan sungai sebagai lambang kepada kehidupan. Gambaran dua subjek berbeza ini boleh dilihat pada karya "Bayang Pendua" yang menarik untuk dihayati kerana wujudnya gabungan dan cahaya. "Secara keseluruhannya cahaya dan bayang memberi makna dalam kehidupan seharian manusia", tambahnya.

Meneliti setiap karyanya, cahaya menggambarkan kecerahan iaitu perkara yang baik dan memberi petunjuk kepada manusia. Bayang pula boleh diertikan sebagai satu kenangan, kesusahan serta kegelapan hidup.

ZUZILA ZAIN

Dilahirkan di Kangar pada tahun 1969, Zuzila merupakan artis *self-taught* yang banyak menghasilkan lukisan *naïvè art* dengan tema pengalaman zaman kanak-kanak, pemandangan kampung dan keindahan dasar laut. Karya-karya terkini beliau banyak menampilkan imej dari dasar lautan yang dihasilkan menggunakan kaedah seni kaca hasil perguruan dengan pelukis Raja Azhar Idris.

Zuzila pernah bekerja sebagai penerbit filem sekitar tahun 1992. Beliau juga pernah bekerja di galeri seperti AP Art Gallery dan sangat berminat mempelajari teknik cetakan intaglio suatu masa dahulu. Beliau banyak terlibat dengan aktiviti berpameran secara solo dan berkumpulan di beberapa galeri swasta sekitar Lembah Klang sejak tahun 1997. Antaranya ialah pameran Galeri Petronas, Bank Negara Malaysia, Art Case Gallery, Tangsi Gallery, dan NN Gallery (sekadar menyebut beberapa nama). Beliau turut berpameran di luar negara seperti *International Women Artist Exhibition* di Australia, Mannningham University, Australia dan program *Art For All*, Bangkok, Thailand.

Seawal tahun 2005, Zuzila Zain telah banyak terlibat dalam apa jua aktiviti seni yang dianjurkan oleh Balai Seni Lukis Negara (BSLN) ketika itu. Peranan beliau sebagai tenaga pengajar dan sifatnya yang mudah mesra membolehkannya senang berdampingan dengan mana-mana para pelajarnya khususnya kanak-kanak. Beliau pandai memainkan peranan dalam menarik minat pelajar mempelajari dan mendalamai skop pelajaran seni secara lebih santai. Beliau lebih menekankan kebebasan minda sebagaimana seseorang kanak-kanak berfikir.

Zuzila Zain banyak menghabiskan masa bersama kanak-kanak dan menjadikan aktiviti menyelam (scuba diving) sebagai minat, memberikan inspirasi kepadanya untuk berkarya dengan lebih yakin. Karya Zuzila banyak menggunakan warna-warna terang yang kebetulan menjadi warna kegemaran beliau apabila berkarya. Antara teknik lukisannya ialah menggunakan teknik 'scribble' pindah kolaj, pindah foto, ukiran kayu atas kanvas dan seni kaca yang menggabungkan beberapa jenis warna kaca untuk membentuk lukisan.